

NO SOALAN : 39

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN MESYUARAT KETIGA,**  
**PENGGAL KELIMA, PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DR. MOHD HATTA BIN MD. RAMLI  
(KUALA KRAI)**

**TARIKH : 22.11.17  
(RABU)**

**SOALAN:**

Minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan:

- (a) Jumlah kes buli dalam Angkatan Tentera yang menyebabkan kecederaan dan kematian bagi tempoh 2012-2017; dan
- (b) Jenis-jenis tindakan dan hukuman yang telah diambil ke atas pelaku-pelaku buli.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Kesemua kes-kes yang melibatkan anggota ATM akan diambil tindakan mengikut peraturan, Undang-undang Tentera dan mahkamah awam.

Kesemua kes ini disiasat sama ada oleh Polis DiRaja Malaysia (PDRM) atau Provos Perkhidmatan. Walau bagaimanapun, kes-kes yang melibatkan kematian akan disiasat terus oleh PDRM. Secara keseluruhannya, kes-kes buli yang berlaku dalam ATM adalah dalam nisbah yang kecil berbanding dengan kekuatan keseluruhan warga ATM. Namun begitu ATM sentiasa memandang serius akan gejala tidak berperikemanusiaan ini dan tindakan tegas akan diambil kepada mana-mana warga ATM yang didapati terlibat dalam membuli anggota bawahan.

Berdasarkan kepada Akta Angkatan Tentera 1972 dan arahan-arahan semasa yang dikeluarkan oleh Panglima Angkatan Tentera dan Panglima-panglima Perkhidmatan, anggota ATM jika disabitkan dengan kesalahan boleh dihukum penjara atau tahanan dan seterusnya dibuang daripada perkhidmatan.